

02 APR 1996

Abdullah-PNG (Bergambar)

PNG TAWAR EMPAT BIDANG UTAMA UNTUK PELABUR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 April (Bernama) -- Papua New Guinea telah menawarkan empat bidang utama di negara itu untuk diterokai pelabur Malaysia dalam program pembangunan negara Pasifik selatan itu.

Bidang itu ialah perhutanan, pertanian, minyak dan gas serta galian yang menurut Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Julius Chan mempunyai prospek yang baik untuk dimajukan melalui kerjasama Selatan-Selatan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi berkata Chan memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perbincangan mereka di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini bahawa Papua New Guinea memerlukan pelaburan dan bantuan kepakaran serta latihan daripada Malaysia untuk pembangunan negaranya.

"Dr Mahathir telah memberitahu (Chan) bahawa Malaysia memang berhajat untuk mengambil bahagian dalam pembangunan Papua New Guinea," kata Abdullah ketika memberi taklimat kepada pemberita mengenai perbincangan kedua-dua pemimpin.

Chan tiba di sini semalam bersama isterinya, Lady Stella dan rombongan 60 anggota termasuk menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan untuk lawatan rasmi enam hari.

Abdullah berkata Dr Mahathir memberitahu Chan bahawa beliau akan memastikan hasrat kedua-dua negara untuk saling membantu khususnya bagi membangunkan Papua New Guinea akan tercapai.

Komitmen kedua-dua negara untuk mempereratkan lagi hubungan dua hala juga dapat dilihat melalui perjanjian udara yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Datuk Othman Mohd Rijal dan Pesuruhjaya Tinggi Papua New Guinea Thomas N. Polume hari ini.

Majlis menandatangani perjanjian itu yang disaksikan oleh Dr Mahathir dan Chan selepas perbincangan delegasi mereka akan membolehkan penerbangan terus dari Kuala Lumpur ke Port Moresby dan sebaliknya oleh Malaysia Airlines dan New Guinea Airlines.

Abdullah berkata Chan telah memberi jaminan bahawa segala masalah dan rintangan yang akan dihadapi oleh pelabur Malaysia akan ditangani. Pihak berkuasa juga akan memastikan pelaburan mereka selamat.

Kedua-dua pemimpin itu juga bersetuju supaya pegawai-pegawai kanan kerajaan dari kedua-dua negara mengadakan perbincangan dari masa ke masa bagi menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

Abdullah berkata Unit Perancang Ekonomi bersetuju menawarkan latihan kepada beberapa pegawai kerajaan Papua New Guinea yang terlibat dalam pembangunan negara mereka melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Chan berharap untuk mendapatkan bantuan dari Malaysia kerana beliau melihat Malaysia sebagai model yang boleh dicontohi untuk pembangunan negaranya pada masa depan, kata Abdullah.

Mengenai isu antarabangsa, Abdullah berkata Chan mencadangkan supaya ditubuhkan Pusat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik bagi Negara-negara Selatan Pasifik (Apec Centre for South Pacific) untuk membantu negara-negara selatan Pasifik seperti Kepulauan Solomon memasuki pasaran negara maju dan membangun.

Chan berkata kebanyakan daripada negara Pasifik selatan (selain Papua New Guinea) bukan anggota Apec dan mereka amat memerlukan bantuan negara-negara anggota.

Abdullah berkata Malaysia akan menyokong cadangan itu jika dibawa ke mesyuarat Apec. -- BERNAMA

ES NMO